



PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO SERIAN RAFTING CHALLENGE

SYARAT PERTANDINGAN, SPESIFIKASI REKA BENTUK LOGO DAN BORANG PENYERTAAN

SYARAT DAN TERMA PERTANDINGAN

- a. Penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada seluruh **warganegara Malaysia** berumur 15 tahun dan ke atas.
- b. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan. Walaubagaimanapun, hanya **satu logo** akan dipilih sebagai pemenang.
- c. Semua ciptaan mestilah asli dan tidak ditiru dari mana-mana logo tempatan mahupun luar negara.
- d. Semua logo yang diterima oleh Urusetia Pertandingann Mencipta Logo Serian Rafting Challenge akan menjadi **hak milik Majlis Daerah Serian** dan tidak boleh dikembalikan. **Pihak Majlis Daerah Serian adalah berhak ke atas logo yang terpilih samaada untuk dipinda atau diubahsuai bagi maksud untuk digunakan atau dipamerkan ataupun dicetak dalam mana-mana acara atau majlis rasmi.**
- e. Pemenang utama akan menerima hadiah wang tunai berjumlah **RM 300.00 (RINGGIT MALAYSIA : TIGA RATUS SAHAJA).**
- f. **Karya logo** hendaklah diserahkan kepada urusetia **pada** atau **sebelum** :

9 OGOS 2019 (JUMAAT)



PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO SERIAN RAFTING CHALLENGE

SPESIFIKASI REKA BENTUK LOGO

- a. Reka bentuk mestilah **baru dan asli** serta tidak mengandungi unsur atau elemen yang boleh dianggap sensitive dan boleh menyinggung mana-mana pihak. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga. Penyertaan akan terbatal sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan tidak asli.
- b. Rekabentuk hendaklah dihasilkan menggunakan **kertas bersaiz A4 (ukuran 21cm x 29.7cm)** berwarna putih dan juga disediakan dalam bentuk **'softcopy'** menggunakan format Adobe Illustration) atau JPEG resolusi minimum 1280 x 960 atau menggunakan software terkini yang bersesuaian.
- c. Pereka hendaklah memberi keterangan atau penjelasan (rasional) ke atas reka bentuk logo dan simbol serta warna yang digunakan.
- d. Reka cipta logo hendaklah menggunakan **maksimum 4 warna** sahaja. Menggambarkan serta menepati tema Serian Rafting Challenge.
- e. Rekabentuk hendaklah menarik, jelas, mudah dan kemas.

Karya logo hendaklah dihantar ke :

**Urusetia Serian Rafting Challenge,
Majlis Daerah Serian,
No. 1 Jalan Bunga Tanjung,
94700 Serian Sarawak.**



BORANG PENYERTAAN
PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO
SERIAN RAFTING CHALLENGE

1. BUTIRAN PESERTA

a. NAMA :

b. NO. KAD PENGENALAN:

c. ALAMAT:

d. NOMBOR TELEFON :

2. PENGAKUAN PESERTA

Adalah saya dengan ini memperakui bahawa penyertaan saya ini adalah asli dan tidak pernah dihantar ke mana-mana pertandingan seumpamanya sebelum ini.

Saya juga faham bahawa penyertaan saya akan dibatalkan secara serta merta jika saya melanggar peraturan ini. Saya bersetuju bahawa logo yang dikemukakan adalah milik **MAJLIS DAERAH SERIAN** dan tidak boleh dikembalikan. Saya juga bersetuju, bahawa jika terpilih rekaan saya ini akan menjadi hak milik **MAJLIS DAERAH SERIAN** sepenuhnya dan saya tiada hak ke atasnya selepas ini.

Tandatangan : _____

Tarikh : _____